



**TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**SAMBUTAN NOVEMBER  
BULAN KELUARGA KEBANGSAAN 2023 (BKK 2023)  
PERINGKAT NEGERI SARAWAK**

**PERKARANGAN MASJID DARUL HANA, KUCHING  
26 NOVEMBER 2023 (AHAD) | 10.00 pagi – 12:30 tengah hari**

*Kemas kini 23 November 2023*

Terima kasih Saudara/i Pengerusi Majlis.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Kekeluargaan Malaysia Madani.

**(SALUTASI - PINDAAN AKHIR AKAN DIMAKLUMKAN)**

YBHG. DATO SRI ROHANI ABDUL KARIM

Pengerusi, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga  
Negara (LPPKN)

Ahli-Ahli Jemaah Menteri

Pengurusan Tertinggi Kerajaan

Rakan-rakan media

Seterusnya saudara-saudari Keluarga Malaysia MADANI yang dikasihi.

## **PENDAHULUAN**

1. ALHAMDULILLAH, syukur ke hadrat Allah SWT di atas limpah dan kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama pada pagi ini dalam Sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan 2023 (BKK 2023) Peringkat Negeri Sarawak.
2. Saya selaku Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ingin menzahirkan perasaan bangga dan gembira melihat sambutan yang diberikan pada majlis hari ini.

3. Setinggi-tinggi penghargaan dan syabas kepada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) di atas komitmen serta kesungguhan dalam menjayakan majlis Sambutan BKK 2023 Peringkat Negeri Sarawak ini. Pada 4 November lalu, saya bersama-sama YAB Perdana Menteri turut merasmikan majlis sama peringkat Kebangsaan di Putrajaya, jadi hari ini di penghujung November, seumpama menutupnya pula.....Alhamdulillah di Negeri sendiri.

**SEMANGAT KASIH KELUARGA DALAM MEMBINA KELUARGA HARMONI, NEGARA MADANI**

Saudara-saudari Keluarga MADANI yang saya kasihi,

4. Institusi keluarga adalah titik permulaan kepada penyatuan dan keutuhan perpaduan sesebuah negara. Ia juga kesinambungan masa hadapan yang menjadi pendorong kepada kita untuk lebih harmoni dan bersatu padu ke arah mencipta kejayaan besar di bumi Malaysia ini. Falsafah menyatukan perbezaan yang menjadi acuan penting dalam perencanaan Keluarga MADANI wajar digarap oleh seluruh ahli keluarga di Malaysia.

5. Malaysia MADANI yang digagaskan oleh YAB Perdana Menteri merupakan suatu ikhtiar bersepadu ke arah negara Malaysia yang lebih makmur dan maju. Berteraskan kepada 6 nilai MADANI iaitu kemampanan, hormat, kesejahteraan, keyakinan, daya cipta dan ihsan, ia berfokus untuk melahirkan nilai individu masyarakat Malaysia bagi mencapai kesejahteraan dan kemakmuran.

## **MENGGEMBLENG USAHA BAGI MENDEPANI CABARAN KELUARGA MALAYSIA**

Keluarga MADANI yang saya muliakan,

6. Tidak dinafikan, dalam kita bercita-cita tinggi untuk menjana kejayaan demi kejayaan, keluarga hari ini sedang menghadapi pelbagai cabaran baharu yang memberi kesan langsung dan tidak langsung kepada kehidupan. Antara cabaran yang dimaksudkan termasuk struktur



keluarga yang semakin berubah, cabaran untuk mengimbangi keluarga dan kerjaya, memenuhi keperluan ekonomi, keibubapaan anak kecil dan remaja serta kelemahan dalam hubungan perkahwinan, selain penjagaan warga emas dan keluarga berkeperluan khas.

7. Bersesuaian dengan tema Bulan Keluarga Kebangsaan tahun ini iaitu Keluarga Harmoni, Negara MADANI, frasa Keluarga Harmoni bermaksud keluarga yang menjunjung tinggi nilai-nilai luhur, seperti cinta, kasih sayang, toleransi dan saling menghargai antara anggota keluarga. Manakala

membentuk Negara MADANI pula menjadi tanggungjawab kita bersama, tidak hanya pada pemerintah, tetapi segenap lapisan masyarakat.

8. KPWKM melalui LPPKN akan terus komited dan berusaha untuk mengukuhkan institusi keluarga selari dengan penekanan kerajaan dan akan terus membangunkan dan melaksanakan pelbagai program pembangunan keluarga yang meliputi advokasi, promosi, latihan dan pendidikan, perkhidmatan, penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta penggubalan dasar.

## **MEMPERKUKUH INSTITUSI KELUARGA YANG RESILIEN**

Keluarga MADANI yang dikasihi,

9. Keluarga merupakan komponen penting dalam proses pembentukan masyarakat dan seterusnya negara. Institusi keluarga merupakan sebuah unit asas sosial yang

membekalkan sumber manusia untuk pembangunan negara serta menjamin kesinambungan insan sebagai generasi akan datang.

10. Menyedari akan kepentingan institusi keluarga, Dasar Keluarga Negara sedang dikaji semula untuk memastikan perspektif keluarga dalam pembangunan sosioekonomi akan terus ditambah baik bagi membina institusi keluarga yang kukuh serta sejahtera. Program serta inisiatif kekeluargaan akan dipergiatkan bagi memupuk nilai murni sejajar dengan nilai teras Malaysia MADANI.

11. Negara kita memerlukan institusi keluarga yang sejahtera, sihat dan resilien bagi memastikan kestabilan sosial dinikmati bersama dan tiada yang ketinggalan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat (1948), iaitu institusi keluarga adalah satu unit terpenting dalam masyarakat.

**PELAKSANAAN SAMBUTAN BULAN KELUARGA KEBANGSAAN (BKK)**  
**OLEH SEMUA AGENSI KERAJAAN DI PERINGKAT PERSEKUTUAN DAN**  
**NEGERI**

Keluarga MADANI yang dikasihi,

12. Di kesempatan ini juga saya ingin mengumumkan bahawa pada 3 November 2023 lalu, Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju bahawa Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan akan menjadi acara tahunan kepada semua agensi kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri pada bulan November. Keputusan dan mandat Jemaah Menteri ini menjadi punca kuasa baharu kepada LPPKN sebagai agensi peneraju kesejahteraan keluarga dalam negara.

13. Barisan Jemaah Menteri turut bersetuju untuk meraikan BKK secara bersama dengan mengguna pakai tema yang ditetapkan di peringkat kebangsaan pada setiap tahun. Namun, pengisian program dan aktiviti untuk sambutan BKK yang berteraskan nilai kekeluargaan adalah mengikut kreativiti dan menggunakan peruntukan sedia ada agensi masing-masing.
  
14. Sambutan BKK merupakan manifestasi Kerajaan dalam mengiktiraf sistem sokongan keluarga yang membantu ke

arah pembangunan negara sejahtera dan pembinaan daya tahan negara. Sambutan secara meluas di seluruh negara membantu dalam memastikan keseragaman dan komitmen utuh antara semua agensi Kerajaan ke arah usaha mencapai dan menjamin kesejahteraan institusi keluarga dan pembangunan sosial negara. Perkara ini hanya boleh direalisasikan secara lebih komprehensif menerusi kerjasama pelbagai pihak dalam memupuk dan menekankan kepentingan nilai kekeluargaan mengikut kumpulan sasar masing-masing.



15. Pelaksanaan BKK juga menyumbang kepada pengukuhan kesejahteraan keluarga yang diukur berdasarkan Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK). IKK telah dijadikan sebagai salah satu Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Nasional dalam Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMKe-11) dan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Sejak Kajian IKK dijalankan pada 2011, skor kesejahteraan rakyat Malaysia terus meningkat daripada 7.55 kepada 7.93 (2022). Sehingga kini LPPKN telah menjalani empat (4) siri IKK iaitu 2011, 2016, 2019 dan terkini pada tahun 2022. Skor ini semakin menghampiri sasaran iaitu 8.0 daripada skala 10 menjelang

tahun 2025. Inilah masanya kita memainkan peranan masing-masing dalam menyumbang kepada skor terbaik IKK melalui 8 domain keluarga yang ditetapkan iaitu hubungan kekeluargaan, ekonomi, kesihatan, keselamatan, keterlibatan komuniti, agama dan amalan, perumahan dan persekitaran dan akhir sekali teknologi komunikasi.

16. Sempena bulan keluarga ini juga, rasanya tidak lengkap ucapan saya ini tanpa menguar-uarkan keputusan Kerajaan dalam Rancangan Malaysia ke-12, iaitu meluluskan penubuhan Pusat Subfertiiti Negara yang pertama yang

akan dibina dalam masa lima tahun dari sekarang. Penubuhan pusat ini sangat berkaitan dengan pengembangan keluarga Malaysia, iaitu membantu memberi sinar kepada pasangan yang sukar mendapat zuriat. Sekali lagi LPPKN diberi peranan dan tanggungjawab untuk menguruskan pusat ini yang turut menyediakan khidmat rawatan kesuburan dan kesejahteraan keluarga yang komprehensif termasuk berfungsi sebagai pusat koordinasi penyelidikan, teknologi rawatan terkini dan latihan kepakaran di Malaysia. TAHNIAH LPPKN!

17. Dan seperkara lagi yang turut berkaitan dengan kesejahteraan keluarga, rasanya belum terlambat untuk saya merakamkan ucapan tahniah atas kejayaan LPPKN khususnya LPPKN Negeri Sarawak mencipta rekod dalam Malaysia Book Of Record iaitu seramai 1,012 orang wanita menjalani ujian HPV DNA dalam masa sehari pada 30 September lalu.
  
18. Dengan kejayaan-kejayaan ini, jelas membuktikan bahawa LPPKN masih lagi relevan sebagai peneraju kesejahteraan keluarga di negara ini. Ia juga membuktikan

bahawa segala usaha yang dilakukan secara bersama dalam semangat kitakan keluarga, mampu membuahkan hasil. Tahniah sekali lagi.

## **AKHIR KATA & HARAPAN**

Keluarga Malaysia MADANI yang saya kasihi,

19. Besar harapan saya supaya Sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan diberi perhatian oleh semua peringkat Kementerian dan Kerajaan Negeri, begitu juga sektor swasta,

NGO dan peringkat komuniti. Marilah kita menghargai setiap ahli keluarga kita, hubungan kita, dan perpaduan kita sebagai sebuah negara.

20. Izinkan saya berkongsi petikan daripada ucapan YAB Perdana Menteri pada 4 November 2023 sempena Majlis Pelancaran BKK 2023:

**“Kerana dalam perpaduan, kita mendapat kekuatan. Dalam perpaduan, kita dapati kedamaian”**

**21. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Sambutan November Bulan Keluarga Malaysia 2023 Peringkat Negeri Sarawak.**

Sekian,

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri**

**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat**

**26 November 2023**